

21/06/2000

Pusat Perisian Motorola guna sistem Aspira

PUSAT Perisian Motorola Malaysia menggunakan arkitektur Aspira untuk meraih kejayaan membangunkan perisian yang pertama digunakan dalam prasarana rangkaian telekomunikasi selular generasi ketiga di Jepun.

Pengarah Urusannya, S Surya, berkata ia adalah pencapaian terbesar bagi pusat yang mula beroperasi pada 1 Mac, 1999 dengan pelaburan kira-kira RM380 juta (dalam tempoh lima tahun), yang mana perisian itu digunakan dalam rangkaian komunikasi Kod Capaian Pelbagai Bahagian (CDMA) dengan kelajuan 64Kbps, terutama dalam segmen capaian Internet tanpa wayar.

Aspira ialah arkitektur komunikasi berasaskan protokol Internet Motorola yang menggabungkan penyelesaian rangkaian komunikasi untuk menyatukan suara, data dan multimedia.

Katanya, CDMA adalah sistem rangkaian telekomunikasi tanpa wayar digital dalam gelombang 1900Mhz yang digunakan di beberapa negara maju. Oleh itu, pengguna perisian ini adalah pemain industri telekomunikasi tanpa wayar terkemuka dunia termasuk di Jepun, Amerika Syarikat, Kanada, Korea, Hong Kong dan China.

"Pembangunannya membabitkan 70 peratus daripada 80 orang kakitangan yang terdiri dari jurutera perisian tempatan yang mempunyai keupayaan dan potensi bertaraf dunia. Ia digabungkan dengan arkitektur Aspira yang anjal dan berupaya beroperasi di antara rangkaian, aplikasi dan capaian oleh pelbagai alat capaian bagi pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan termasuk capaian Internet di atas platform protokol aplikasi tanpa wayar (WAP)," tambahnya.

"Rangkaian Pengurusan Telekomunikasi dan Rangkaian Pintar adalah antara sistem yang sudah dibangunkan dan sedang membangunkan perisian terkini untuk digunakan dalam teknologi Kod Capaian Pelbagai Bahagian (CDMA), perdagangan elektronik dan pertanian.

Katanya, proses pembangunannya adalah proses berterusan yang mengambil masa antara sebulan hingga beberapa tahun sejajar dengan keperluan teknologi industri telekomunikasi tanpa wayar yang semakin hari semakin canggih.

"Pusat perisian kami sentiasa menumpukan lebih perhatian kepada pembangunan perisian masa nyata rangkaian telekomunikasi generasi ketiga terutama penyelesaian di bahagian prasarana utama rangkaian telekomunikasi Perkhidmatan Data Berpeket Am (GPRS) dan sistem rangkaian," katanya lagi.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran Pusat Perisian Motorola Malaysia oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Cyberjaya, minggu lalu.

Dengan perisian yang dihasilkan berasaskan arkitektur Aspira, setiap pengendali sistem rangkaian selular dengan mudah beralih dari teknologi sedia ada kepada teknologi baru, mempercepatkan penyediaan perkhidmatan baru kepada pelanggan untuk menjadikannya lebih berdaya saing dan mengurangkan kos pemilikan.

Untuk menghasilkan perisian yang lebih bertenaga dan bakal digunakan oleh hampir semua pengendali rangkaian, pusat perisian Motorola itu turut bekerjasama dengan beberapa syarikat terkemuka industri telekomunikasi dan Internet seperti Cisco Systems Inc dan Sun Microsystems.

(END)